

Pembangkang dicabar nyata pendirian LGBT

Jaringan Melayu Malaysia bimbang kes nikah sejenis

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
mnasaruddin@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Jaringan Melayu Malaysia (JMM) mendesak tokoh politik daripada pakatan pembangkang tam-pil menjelaskan pendirian sama ada wujud ajaran agama yang menggalakkan budaya perkahwi-nan sejenis.

Pengarah Kebangsaan JMM, Noraini Abd Khalil Saferi, berkata ini berikutan ada sebilangan tokoh politik daripada pembangkang sebelum ini pernah memperjuangkan dan mempromosikan program Seksualiti Merdeka.

Malah, katanya, pelaksanaannya itu juga kononnya sebagai meng-hormati hak asasi golongan tertentu termasuk kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT).

"Kita mahu penjelasan daripada tokoh pakatan pembangkang sama ada isu hak asasi manusia lebih penting daripada undang-undang ciptaan Tuhan serta ajaran agama.

"Kita juga mahu tahu, sama ada program Seksualiti Merdeka adalah satu agenda pembangkang secara 'langsung' untuk memperjuangkan supaya seorang biseksual boleh menjadi PM (Perdana Menteri) atau ketua pembangkang?" ka-

tanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

April lalu, JMM bersama 18 ba-dan bukan kerajaan (NGO) antara-nya, Waris Malaya, Aman Kam-pus, Alumni Aspirasi, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mengadakan perhimpunan aman menolak amalan seks bebas dan LGBT yang semakin menular di negara ini.

Program diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu turut di-hadiri lebih 3,000 peserta termasuk pelajar dari lapan institusi penga-jian tinggi (IPT).

Dalam pada itu, baru-baru ini, Noraini turut mendesak Presiden



Noraini

PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengadakan sidang me-dia bersama Shamsidar Taharin bagi menjawab dakwaan suaminya mempunyai hubungan sulit dengan isteri Timbalan Presiden, Azmin Ali.

Noraini berkata, penjelasan se-perti itu perlu bagi memastikan se-mua rakyat negara ini tahu me-njenai pendirian mereka berhub-ung isu berkenaan.